



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
PADA 25 MAC 2021**

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/ SUKNS/ BIL.5/ 2021	Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Pejabat Pentadbiran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pejabat Majlis Sukan Negeri, Paroi, Negeri Sembilan Darul Khusus	Kelas : G1  Kategori : B  Pengkhususan : B04	RM50.00 setiap satu borang	<b>TIDAK WAJIB</b>  (Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini boleh menghubungi <b>Encik Mohamad Shahril bin Mohd Haniff</b> di talian berikut <b>06-7659974</b> atau hadir ke <b>Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat SUKNS</b> )

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **29/3/2021 hingga 2/4/2021** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 5/4/2021 (Isnin)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.